

MAHASISWA, SLAGA, PEMBENTANGAN KUMPULAN BERBAHASA MELAYU DAN PRAGMATIK (TEORI RELEVANS)

*University Students, Slang, Malay Language Group Presentations, and Pragmatics
(Relevance Theory)*

Muhammad Zaid Daud^{*1}, Mohamad Fakhri Aiman Yasir², Aqil Danial Emran³, Amir Haziq Nordin⁴, Muhammad Zahirul Ikhwan Abdul Halim⁵, Noor Hanisha Jasni⁶, Erwan Ismail⁷, Shahrulanuar Mohamed⁸, Nur Farain Ali⁹, Al Amin Mohamed Sultan¹⁰, Mary Fatimah Subet¹¹

^{1,7,8,9}Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

^{2,3,4,5,6}Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)

¹⁰Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

¹¹Fakulti Pendidikan, Bahasa, dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

*Penulis koresponden: zaid.daud@utem.edu.my

Published: 12 Disember 2024

To cite this article (APA): Daud, M. Z., Yasir, M. F. A., Emran, A. D., Nordin, A. H., Abdul Halim, M. Z. I., Jasni, N. H., Ismail, E., Mohamed, S., Ali, N. F., Mohamed Sultan, A. A., & Subet, M. F. (2024). Mahasiswa, Slanga, Pembentangan Kumpulan Berbahasa Melayu dan Pragmatik (Teori Relevans). *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 1–14. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.1.2024>

ABSTRAK

Umur mahasiswa universiti teknikal di Malaysia rata-ratanya bermula dari 19 sehingga 24 tahun. Mahasiswa ini terdiri daripada pelajar yang mendaftar di peringkat pengajian diploma dan ijazah sarjana muda. Maka, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pandangan mahasiswa universiti teknikal mengenai penggunaan slanga dalam pembentangan kumpulan berbahasa Melayu, menganalisis impak penggunaan slanga dalam pembentangan tersebut serta merumuskan cadangan dan langkah bagi mahasiswa universiti teknikal dalam menggunakan slanga dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu. Perbincangan kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan pragmatik, iaitu Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986). Dari sudut metodologi, kajian ini berbentuk kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan silang dan borang soal selidik yang menggunakan skala Likert dari 1 hingga 5 dan pilihan jawapan “ya” atau “tidak”. Populasi dan sampel terdiri daripada mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), dengan pilihan responden dipilih secara rawak, melibatkan jumlah keseluruhan 510 mahasiswa. Data dikumpul secara dalam talian melalui platform “Google Forms” dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil kajian mendapati, majoriti responden bersetuju bahawa slanga sering digunakan oleh mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam pembentangan berbahasa Melayu. Mereka percaya penggunaan slanga boleh mempengaruhi pemahaman audiens serta memberi impak positif kepada gaya dan keberkesanan pembentangan. Responden juga menekankan bahawa, pensyarah perlu memberi perhatian serius terhadap penggunaan slanga dalam pembentangan kumpulan dalam bahasa Melayu. Kesimpulannya, menurut Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986), penggunaan slanga memudahkan komunikasi dengan mengurangkan usaha pemprosesan pendengar. Namun begitu, dalam konteks akademik, penggunaan bahasa formal tanpa slanga lebih relevan kerana mengurangkan risiko salah faham dan memastikan kejelasan maklumat.

Kata kunci: mahasiswa, universiti teknikal, pembentangan kumpulan, bahasa melayu, pragmatik

ABSTRACT

The age of technical university students in Malaysia typically ranges from 19 to 24 years. These students consist of those enrolled in diploma and bachelor's degree programmes. The objective of this study is to identify the views of technical university students regarding the use of slang in group presentations conducted in Malay, analyse the impact of slang usage in these presentations, and formulate recommendations and steps for technical university students to use slang in Malay-language group presentations. The discussion of this study also applies a pragmatic approach, namely the Relevance Theory (Sperber & Wilson, 1986). Methodologically, this study is quantitative with a cross-sectional survey design and a questionnaire using a Likert scale from 1 to 5 and 'yes' or 'no' response options. The population and sample consisted of students from Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), with respondents selected randomly, involving a total of 510 students. Data were collected online through the Google Forms platform and analysed using descriptive statistics. The study found that the majority of respondents agreed that slang is often used by UTeM students in Malay-language presentations. They believe that the use of slang can influence audience understanding and have a positive impact on the style and effectiveness of presentations. Respondents also emphasised that lecturers need to pay serious attention to the use of slang in group presentations conducted in Malay. In conclusion, according to the Relevance Theory (Sperber & Wilson, 1986), the use of slang facilitates communication by reducing the processing effort of listeners. However, in an academic context, the use of formal language without slang is more relevant as it reduces the risk of misunderstanding and ensures clarity of information.

Keywords: *university students, technical university, group presentations, Malay language, pragmatics*

PENGENALAN

Bahasa merupakan entiti yang hidup dan selalu berubah; pengguna bahasa mencerminkan perubahan bahasa dalam masyarakat mereka (Rampton, 2009). Slanga pula merupakan bahagian tak formal dalam bahasa yang dikenali dengan inovasi, kreativiti, dan ketidakformalannya, memainkan peranan penting dalam komunikasi harian, terutamanya dalam kalangan generasi muda (Cheshire et al., 2018). Penggunaan slang dapat membentuk rasa kesetiaan kumpulan, identiti, serta membolehkan ekspresi yang bebas (Baker, 2006). Walaubagaimanapun, dalam konteks bilik darjah, perbezaan yang jelas wujud antara formal dan tidak formal. Dalam situasi pertuturan formal, biasanya memerlukan pengguna bahasa mematuhi peraturan tatabahasa dan perbendaharaan kata yang berwibawa (Hoffman & Alvermann, 2019). Tetapi, menurut Lippi-Green (2014), isu muncul apabila penutur atau pelajar gagal membezakan penggunaan bahasa formal dengan slang dalam kehidupan harian mereka, menyebabkan kurangnaya formaliti dalam konteks akademik.

Kehadiran slang menjadi subjek menarik dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu. Bahasa Melayu, yang kaya dengan variasi, sering mengandungi ungkapan tidak formal dan harian (Nik Safiah Karim et al., 2008). Ungkapan-ungkapan ini boleh menambah dimensi keaslian, humor, dan hubungan dalam persembahan pelajar (Noor Fazerra Abdul Rahman et al., 2022). Perkembangan pesat istilah slang boleh menyebabkan jurang generasi antara pembentang dan penonton, mengakibatkan ketidaktahuan dan kekeliruan (Preece, 2007). Oleh itu, memahami pandangan pelajar mengenai penggunaan slang dalam persembahan adalah penting atas beberapa sebab. Pertama, ia menunjukkan kesan keberkesanan slang dalam mencapai objektif komunikasi dalam konteks akademik. Pelajar mungkin melihat slang sebagai cara untuk berhubung dengan penonton, menjadikan persembahan lebih menarik dan memudahkan pemahaman pengetahuan mereka (Wei, 2011). Sebaliknya, mereka mungkin sedar akan kelemahan penggunaan tidak formal dan memberi keutamaan kepada kejelasan dan profesionalisme. Menyiasat pandangan pelajar membantu memperkecil jurang antara penggunaan tidak formal bahasa oleh pelajar dan keseluruhan formaliti dalam bilik darjah (Noor Fazerra Abdul Rahman et al., 2022). Dengan memahami konteks di mana pelajar merasa selesa menggunakan slang dan makna yang terkandung di dalamnya, pendidik boleh membangunkan strategi untuk membimbing mereka ke arah komunikasi yang berkesan yang mengimbangi antara tidak formal dan formal. Ini mungkin melibatkan menggalakkan perbincangan tentang kesesuaian slang dalam konteks yang berbeza, mencari cara alternatif untuk mencapai kesan yang diinginkan dalam lingkungan akademik, dan menggalakkan komunikasi yang jelas dan padat melalui kedua-dua aspek, formal dan tidak formal (Muhammad Zaid

Daud, 2018). Dengan menyelidik persepsi pelajar mengenai penggunaan slanga dalam persembahan dapat memberi sumbangan kepada penciptaan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif. Dengan mengakui kepentingan suara pelajar dan menghormati keaslian ragam bahasa tidak formal, pendidik dapat membentuk ruang di mana pelajar merasa selesa menyatakan diri mereka sambil tetap mematuhi standard akademik. Ini akan membantu meningkatkan rasa ke-pemilikan dan keterlibatan dalam proses pembelajaran (Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud, 2016).

Kajian ini meneliti pandangan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai penggunaan slanga semasa persembahan tugas kumpulan dalam Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian pelajar melihat penggunaan slanga sebagai berguna. Mereka menganggap slanga sebagai alat untuk berkomunikasi dengan penonton, meningkatkan keterlibatan dalam persembahan, dan menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih mesra. Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran yang dikenal pasti oleh pelajar UTeM berkaitan dengan penggunaan slanga. Mereka sedar akan kelemahan penggunaan tidak formal yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam komunikasi. Oleh itu, pelajar UTeM memberi keutamaan kepada profesionalisme dan formaliti dalam persembahan. Penemuan ini mempunyai potensi untuk membentuk amalan pengajaran, mengurangkan jurang antara bahasa tidak formal pelajar dan keseluruhan formaliti dalam konteks akademik, dan pada akhirnya, membantu mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan menarik.

Penggunaan slanga dalam persembahan membawa implikasi besar dalam bidang linguistik, makna, dan teori komunikasi. Seperti yang dicadangkan oleh Sperber dan Wilson (1986), pemahaman bahasa melibatkan proses pemahaman yang kompleks di mana konteks dan teori yang relevan membentuk makna. Dengan memahami bagaimana pelajar merespon dan menggunakan slanga dalam persembahan mereka, kita dapat melihat bagaimana makna dibentuk dan dipertimbangkan dalam konteks sosial yang berubah dengan cepat. Ini tidak hanya memperkecil jurang antara bahasa tidak formal dan formaliti dalam konteks akademik, tetapi juga membantu mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan menarik bagi pelajar (Noorsaiyidah Suradi & Muhammad Zaid Daud, 2023).

OBJEKTIF KAJIAN

Maka, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti pandangan mahasiswa UTeM terhadap slanga dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu berpandukan pendekatan pragmatik iaitu TR (Sperber & Wilson, 1986).
2. Menganalisis impak kepada mahasiswa UTeM mengenai slanga dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu berpandukan pendekatan pragmatik iaitu TR (Sperber & Wilson, 1986).
3. Merumuskan cadangan bagi mahasiswa UTeM menggunakan slanga dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu berpandukan pendekatan pragmatik iaitu TR (Sperber & Wilson, 1986).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian lepas oleh Hidayah Shafiee et al. (2019), Pernyataan 'Bahasa Jiwa Bangsa' dan 'Bahasa Menunjukkan Bangsa' sering diserukan di media elektronik dan cetak untuk memperkukuh identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Walaupun demikian, dalam era teknologi maklumat dan komunikasi, penyalahgunaan bahasa rojak dalam media baharu sering berlaku, menyebabkan penurunan penggunaan bahasa kebangsaan secara mendadak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji impak penggunaan bahasa rojak di media baharu terhadap Bahasa Kebangsaan dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui temu bual mendalam dengan lima informan pelajar Komunikasi Media Baharu, Universiti Malaysia Perlis. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti istilah bahasa rojak yang kerap digunakan oleh pelajar dalam konteks media baharu.

Kajian ini bertujuan untuk menghimpun data mengenai jenis-jenis bahasa rojak yang digunakan oleh pelajar, serta untuk memahami sejauh mana penggunaannya dalam kehidupan seharian. Dengan mengenal pasti istilah-istilah yang sering digunakan, kajian ini berusaha untuk meneroka kesan penggunaan bahasa rojak terhadap Bahasa Kebangsaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data deskriptif melalui temu bual mendalam. Reka bentuk kajian dijalankan melalui proses pengumpulan, analisis, dan interpretasi data. Penyelidik memilih lima informan pelajar Komunikasi Media Baharu Universiti Malaysia Perlis secara rawak. Data ini dikumpulkan melalui temu bual mendalam. Pendekatan temu bual mendalam dipilih kerana memberi kefahaman yang luas dan mendalam terhadap tajuk kajian dan objektif yang ditetapkan. Rujukan daripada kajian lepas dan isu semasa digunakan untuk membentuk soalan temu bual. Hasil kajian menunjukkan penggunaan bahasa rojak dalam media baharu amat mempengaruhi Bahasa Kebangsaan, seperti yang dibuktikan melalui analisis data kualitatif menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan daripada lima informan menunjukkan bahawa terdapat subtema yang menonjol, terutamanya berkaitan dengan istilah yang digunakan dalam bahasa rojak. Sub-subtema yang dikenal pasti termasuklah campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, penemuan istilah baru, dan campuran bahasa tempatan. Kesimpulannya, penggunaan istilah bahasa rojak dalam aplikasi media sosial perlu dikawal dan dikurangkan untuk mengelakkan penyalahgunaan dan memastikan kelestarian Bahasa Melayu. Walaupun istilah-istilah baru muncul, kesedaran tentang pentingnya memelihara bahasa kebangsaan harus diperhebatkan, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Kempen-kempen untuk mencintai bahasa kebangsaan perlu diditeruskan bagi memastikan kelestariannya dari semasa ke semasa.

Menurut kajian lepas oleh Amirul Mukminin Mohamad et al. (2023). Bahasa Melayu, yang merupakan bahasa kebangsaan Malaysia, memainkan peranan penting dalam identiti nasional dan integrasi sosial negara. Namun, dengan kemajuan teknologi dan globalisasi, terdapat kecenderungan penurunan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda, khususnya pelajar universiti. Isu ini mencetuskan keperluan untuk mengkaji lebih dalam tentang kekerapan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai tahap penguasaan dan kekerapan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, serta untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa ini dalam konteks akademik dan sosial. Kajian ini juga bertujuan untuk menghasilkan data yang boleh dijadikan asas dalam merangka strategi peningkatan penggunaan bahasa kebangsaan di institusi pendidikan tinggi. Kajian ini mengambil pendekatan metodologi campuran, memadukan elemen kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan gambaran yang lebih holistik. Soal selidik secara talian dihantar kepada 261 pelajar prasiswazah UKM dari pelbagai fakulti untuk mengumpul data kuantitatif, manakala temu bual separa berstruktur dijalankan untuk mendalami perspektif pelajar tentang penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka. Sampel dipilih secara rawak, mewakili pelbagai latar belakang akademik dan sosial. Hasil analisis menunjukkan variasi yang signifikan dalam penggunaan bahasa Melayu, bergantung pada konteks komunikasi. Penggunaan bahasa ini masih tinggi dalam konteks keluarga dan interaksi sosial informal. Walau bagaimanapun, dalam konteks akademik, terdapat kecenderungan untuk menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa rojak, yang mencerminkan pengaruh globalisasi dan pendedahan kepada media asing. Faktor-faktor seperti kurangnya kesedaran tentang kepentingan bahasa kebangsaan dan kurangnya inisiatif institusi dalam mempromosikan bahasa Melayu sebagai medium intelektual juga dikenal pasti sebagai penyumbang kepada isu ini. Hasil kajian menggariskan perlunya strategi yang lebih proaktif dan sistematis dalam pendidikan dan kebijakan untuk mempromosikan penggunaan bahasa Melayu. Institusi pendidikan, khususnya universiti, mempunyai peranan penting dalam menanamkan nilai dan kemahiran bahasa yang akan membantu memelihara bahasa kebangsaan sebagai aset nasional. Usaha kolaboratif antara pemangku kepentingan pendidikan, kerajaan, dan masyarakat diperlukan untuk mengembalikan martabat bahasa Melayu di era global ini.

Kajian oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Muhammad Syafreza Azwan Pisol (2022), mengenai slanga dalam media sosial, satu pendekatan minimalis. Kajian ini mengkaji penggunaan slanga dalam media sosial dengan tujuan memahami interaksi sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif dan lebih menumpukan kepada penghuraian 'makna' ayat yang dikaji. Kajian ini tidak mengutamakan data berbentuk numerikal dan melibatkan proses yang lebih terbuka. Maka,

objektif kajian ini adalah untuk menganalisis ayat selapis slanga atau jenis bahasa tidak formal dalam aplikasi 'whatsapp' dan 'instagram' menggunakan pendekatan minimalis dan menjelaskan pembentukan jenis ayat yang dianggap sebagai tidak formal. Kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana penggunaan slanga mempengaruhi komunikasi sosial dalam platform media sosial yang semakin popular. Dalam kajian ini, masalah yang ditemui adalah penggunaan slanga dalam media sosial dan pengaruhnya terhadap Bahasa Melayu. Kajian ini secara khusus meneliti pengaruh slanga terhadap kata ganti nama diri, kata kerja, dan penggunaan bahasa asing dalam komunikasi di platform media sosial seperti aplikasi 'whatsapp' dan 'instagram'. Selain itu, kajian ini juga membincangkan risiko penggunaan slanga yang mungkin dapat mengancam kemurnian Bahasa Melayu jika tidak diperhatikan dengan baik. Metodologi kajian yang didapati jurnal ini meliputi beberapa aspek penting iaitu reka bentuk kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan fokus pada analisis kandungan. Selain itu, instrument kajian (Media sosial) seperti aplikasi 'whatsapp' dan 'instagram' digunakan sebagai instrumen utama. Di samping itu, cara mendapatkan responden. Responden terdiri daripada pengguna media sosial yang berumur antara 18 hingga 40 tahun. Penulis mengenal pasti dan memilih sampel perbualan dari kumpulan-kumpulan tertentu di aplikasi 'whatsapp' dan 'instagram'. Lain daripada itu, data dikumpulkan sepanjang tempoh tiga bulan, dari bulan November 2020 hingga bulan Januari 2021. Seterusnya, data yang diperolehi dari kajian ini dianalisis menggunakan kaedah Kerangka Minimalis atau rajah pohon yang telah diperkenalkan oleh Chomsky (2007). Analisis ini membantu memahami bagaimana slanga mempengaruhi bahasa dan interaksi sosial. Seterusnya, analisis dan perbincangan yang didapati dari kajian ini ialah penulis menggunakan Kerangka Minimalis atau rajah pohon untuk menganalisis ayat slanga yang digunakan di media sosial seperti aplikasi 'whatsapp' dan 'instagram'. Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk menganalisis penggunaan slanga dalam media sosial khususnya dalam aplikasi 'whatsapp' dan 'instagram' menggunakan Kerangka Minimalis atau rajah pohon Chomsky (2007).

Kajian lepas oleh Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2019), mendapati bahawa slanga ialah sejenis kosa kata tidak formal yang digunakan oleh kumpulan sosial tertentu. Ia sering dicirikan oleh penciptaan perkataan dan frasa baharu, atau dengan penggunaan perkataan sedia ada dengan cara baharu. Slanga boleh menjadi salah satu penggunaan bahasa yang kreatif tetapi ia juga boleh digunakan untuk merahsiakan sesuatu agar orang lain tidak memahaminya atau untuk menunjukkan bahawa seseorang itu terdiri daripada satu aliran yang sama. Objektif kajian Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2019) adalah untuk menganalisis penggunaan simbol tumbuhan dalam slanga Melayu. Penulis berpendapat bahawa simbol tumbuhan boleh digunakan untuk mencipta makna baharu yang berbeza daripada makna asal perkataan tersebut. Penulis menjalankan kajian tentang istilah slanga Melayu yang menggunakan simbol tumbuhan. Mereka mengumpul data daripada pelbagai sumber, termasuk forum dalam talian, media sosial dan perbualan dengan penutur asli. Kajian Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2019) kemudian menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis data. Semantik inkuisitif ialah kaedah yang mengambil kira konteks budaya penggunaan bahasa. Penulis mendapati simbol tumbuhan boleh digunakan untuk mencipta pelbagai makna dalam slanga Melayu. Sebagai contoh, istilah slanga "mat jambu" digunakan untuk merujuk kepada lelaki kacak. Penulis berpendapat bahawa penggunaan perkataan "jambu" bukanlah secara rawak, sebaliknya ia mencerminkan unsur alam buah jambu iaitu warna jambu air tersebut yang sudah tentu berwarna merah dan begitu menarik perhatian manusia mahupun haiwan. Kajian menunjukkan bahawa simbol tumbuhan boleh menjadi bahagian penting dalam slanga Melayu. Dengan menggunakan semantik inkuisitif untuk menganalisis slanga, penyelidik boleh memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang makna dan motivasi di sebalik istilah slanga. Pendekatan ini dapat membantu kita menghargai kreativiti dan kekompleksan slanga.

Berdasarkan kajian lepas oleh Muhammad Zaid Daud (2018), kajian ini mengkaji penggunaan slanga dalam kalangan komuniti Melayu di Malaysia melalui pendekatan Semantik Inkuisitif. Slanga ialah bahasa tidak formal, mencerminkan identiti dan ikatan masyarakat remaja. Dalam kajian ini, data dari Kuala Lumpur dan Kota Samarahan, Sarawak digunakan untuk menganalisis makna slanga dengan lebih mendalam. Pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang digunakan untuk memahami konteks budaya dan sosial yang relevan. Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik penggunaan dan kesan slanga dalam komunikasi bahasa Melayu. Kajian ini mengkaji dua gaya bahasa utama yang telah

dinyatakan oleh Za'ba, iaitu "gaya cakap mulut" dan "gaya surat", serta hubungannya dengan penggunaan slang. Selain itu, kajian ini akan menganalisis ciri-ciri slang, termasuk makna tersirat dan peranannya sebagai mainan bahasa. Tujuan utama adalah untuk memahami bagaimana penggunaan slang boleh mempengaruhi pemahaman dan komunikasi dalam konteks formal dan tidak formal dalam bahasa Melayu. Kajian ini menganalisis penggunaan slang dalam perbualan di kedai kopi yang berada di Kuala Lumpur dan Kota Samarahan, Sarawak. Data diperoleh melalui rakaman perbualan tidak formal, disusun melalui pendekatan semantik inkuisitif dengan teknik RRS. Analisis melibatkan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan dialek Melayu Kelantan/Sarawak. Metodologi terdiri daripada pengumpulan, pencerakinan, dan analisis data. Analisis sintaksis dan semantik inkuisitif memperjelas makna slang yang digunakan dalam perbualan. Contohnya, "paip pecah" mungkin merujuk kepada sesuatu yang rosak atau mengalami masalah. Penggunaan slang ini memerlukan pemahaman konteks untuk dihubungkan dengan maksud sebenar. Sebagai contoh, "tiang jamban buruk" mungkin bermaksud infrastruktur yang tidak berfungsi dengan baik. Penggunaan slang memperkaya bahasa dan membolehkan penyampaian pesan yang lebih padat dan efektif. Analisis sintaksis dan semantik membantu mengaitkan makna sebenar slang dengan konteks perbualan, sementara bantuan RRS (Rujukan Rangkaian Semantik) memperjelas hubungan antara slang dan keadaan yang ingin disampaikan. Pendekatan Semantik Inkuisitif, dengan bantuan RRS, terbukti berkesan dalam menganalisis slang berkaitan dengan objek tidak hidup dari transkripsi percakapan. Keunggulan SI dalam menafsirkan makna dengan akal budi Melayu membuatnya menjadi pendekatan terbaik untuk memahami komunikasi bebas.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan slang dan bahasa tidak formal dalam konteks media baharu dan media sosial telah memberi impak terhadap Bahasa Kebangsaan serta penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda. Kajian-kajian ini menyoroti keperluan untuk memahami dengan lebih mendalam pandangan dan pengalaman para mahasiswa terhadap penggunaan slang dalam situasi akademik, terutamanya dalam pembentangan tugas kumpulan dalam Bahasa Melayu. Dari sudut pragmatik, teori oleh Sperber dan Wilson (1986) menekankan pentingnya konteks dalam pemahaman makna. Dalam konteks pembentangan akademik, penggunaan slang mungkin mempengaruhi persepsi dan pentafsiran maklumat oleh audiens. Oleh itu, perlu untuk melakukan kajian baharu yang meneliti pandangan mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terhadap penggunaan slang dalam pembentangan tugas kumpulan Bahasa Melayu. Kajian baharu ini penting kerana ia akan memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan penggunaan slang dalam komunikasi akademik, khususnya dalam konteks pembentangan. Dengan memahami pandangan mahasiswa terhadap penggunaan slang, kita dapat merangka strategi untuk membimbing mereka dalam menggunakan bahasa yang sesuai dan efektif dalam situasi akademik. Ini akan membantu merapatkan jurang antara bahasa tidak formal yang digunakan dalam kehidupan seharian dan formaliti yang diperlukan dalam bilik darjah. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliaan Bahasa Melayu sebagai aset kebangsaan.

Kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompangan kajian dengan meneliti kesan penggunaan slang dalam pembentangan tugas kumpulan Bahasa Melayu di peringkat Universiti Teknikal, khususnya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Dengan meneliti pandangan mahasiswa terhadap penggunaan slang dalam situasi akademik dan bagaimana hal ini mempengaruhi persepsi dan pentafsiran maklumat oleh audiens dalam konteks akademik. Dari sudut pragmatik, kajian ini akan menggunakan TR (Sperber & Wilson, 1986) untuk memahami bagaimana konteks mempengaruhi pemahaman makna dalam penggunaan slang dalam situasi akademik. Selain itu, kajian ini akan mencari strategi yang sesuai untuk membantu mahasiswa menggunakan bahasa yang sesuai dan efektif dalam konteks akademik, serta menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliaan Bahasa Melayu sebagai aset kebangsaan dalam era teknologi dan globalisasi.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, pendekatan kuantitatif menggunakan kajian tinjauan sebagai kaedah utama untuk mengumpul data daripada responden dijalankan. Kajian tinjauan dipilih kerana ia dapat

mengumpul data secara sistematik dan komprehensif daripada responden yang mewakili pelbagai perspektif dan pengalaman. Kaedah ini membolehkan pengkaji lebih memahami pandangan dan pendapat responden terhadap isu yang dikaji, khususnya penggunaan slanga dalam pembentangan akademik pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Platform utama yang akan digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang disediakan dalam aplikasi “Google Form”. Soal selidik ini telah dibuat dengan teliti bagi memastikan ia merangkumi aspek yang relevan dan penting berkaitan pandangan responden terhadap penggunaan slanga dalam pembentangan akademik. Setiap soalan dalam soal selidik direka bentuk untuk mendapatkan jawapan yang konsisten dan terperinci daripada responden, yang kemudiannya akan menjadi asas untuk analisis penyelidikan. Proses mengumpul responden dilakukan dengan mengedarkan pautan “Google Form” kepada khalayak sasaran kajian, khususnya pelajar UTeM yang mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembentangan akademik. Pengagihan pautan ini akan dilakukan secara sistematik dan rawak untuk memastikan kepelbagaian perspektif dalam kalangan kumpulan pelajar UTeM yang berbeza. Data yang diperolehi melalui “Google Form” akan dianalisis menggunakan kaedah statistik yang sesuai, seperti analisis deskriptif untuk memasukkan statistik ringkasan secara purata. Analisis ini akan membolehkan pengkaji menyusun data secara sistematik dan teliti, serta menghasilkan keputusan yang bermakna berkenaan pandangan pelajar terhadap penggunaan slanga dalam pengajaran. Hasil kajian akan disusun dalam bentuk laporan terperinci, di mana keputusan analisis data akan dibentangkan dalam carta pai yang sesuai bagi memudahkan pemahaman dan penjelasan. Laporan ini juga akan merangkumi analisis mendalam tentang penemuan penyelidikan, termasuk penjelasan terperinci tentang kesan penggunaan slanga dalam pembentangan akademik, serta cadangan untuk mengawal penggunaan slanga dengan lebih berkesan ketika melakukan pembentangan dalam konteks pembentangan akademik di UTeM.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Demografi

Untuk mengkaji persepsi mahasiswa UTeM, seramai 510 responden terlibat dalam kajian ini. Hasil demografi responden menunjukkan latar belakang mereka berdasarkan beberapa faktor, termasuk jantina, umur, kaum, agama, fakulti, dan tahun pengajian. Semua maklumat ini disusun dalam bentuk jadual. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa daripada 41 responden, 280 responden (54.9%) adalah lelaki, manakala 230 responden (45.1%) adalah perempuan. Jumlah responden lelaki melebihi responden perempuan sebanyak 5 orang. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa seramai 400 responden (78.4%) berumur antara 21- 24 tahun, dan 90 responden (17.6%) berumur antara 25-30 tahun dan 10 (2%) responden berumur antara 18-20 tahun. Berdasarkan tahun pengajian, 10 responden (2%) dari tahun 1, 110 responden (21.6%) dari tahun 2, 330 responden (64.7%) dari tahun 3, dan 60 responden (11.8%) dari tahun 4. Dalam konteks kaum, majoriti responden 420 (82.4%) adalah Melayu, diikuti oleh 40 responden (7.8%) dari bangsa Cina, 40 responden (7.8%) dari bangsa India, dan seorang responden (2%) dari kaum Brunei. Terakhir, dari segi agama, 430 responden (84.3%) beragama Islam. Manakala 40 responden (7.8%) beragama Buddha dan 40 responden (7.8%) beragama Hindu. Namun begitu, tiada responden dari agama lain-lain. Jadual 1 menunjukkan taburan analisis latar belakang demografi responden.

Jadual 1 Latar belakang demografi responden

Demografi	Kategori	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	280	54.9
	Perempuan	230	45.1
Umur	< 20 tahun	10	4.0
	20 – 25 tahun	400	78.4
	> 25 tahun	90	17.6
Kaum	Melayu	420	82.4
	Cina	40	7.8
	India	40	7.8

	Lain-lain	10	2.0
Agama	Islam	430	88.2
	Buddha	40	5.9
	Hindu	40	5.9
Tahun Pengajian	Tahun 1	10	2.0
	Tahun 2	110	21.6
	Tahun 3	330	64.7
	Tahun 4	60	11.8

Objektif Kajian 1: Mengenal pasti pandangan mahasiswa UTeM terhadap slanga dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu berpandukan pendekatan pragmatik iaitu Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986)

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pandangan mahasiswa UTeM terhadap penggunaan slang dalam pembentangan tugas kumpulan dalam Bahasa Melayu. Bagi mencapai objektif ini, satu borang soal selidik telah diedarkan secara atas talian kepada 510 responden. Dalam konteks ini, justifikasi merujuk kepada proses memberikan sebab atau bukti bagi menyokong kepercayaan atau tuntutan. Pertanyaan pertama dalam soal selidik ini adalah "Adakah anda bersetuju bahawa slang sering digunakan oleh mahasiswa UTeM dalam pembentangan semasa kuliah?" di mana 470 (92.2%) daripada responden menjawab "Ya", menyatakan bahawa penggunaan slang sering digunakan dalam pembentangan di dalam kuliah. Manakala sebanyak 40 (7.8%) responden menjawab "Tidak", tidak menyetujui bahawa penggunaan slang tidak sering digunakan di dalam kuliah. Menurut Zuraidah Mohd Sulaiman (2016), slang bersifat gejala bahasa, dianggap sebagai fesyen berbahasa, eksklusif dan unik tetapi terbatas. Penggunaan bahasa slang ini juga mampu mengukuhkan interaksi sosial seseorang dan secara tidak langsung meningkatkan kreativiti mahasiswa ke tahap yang lebih menarik. Oleh yang demikian, terdapat bahasa slang yang boleh diguna pakai semasa melakukan pembentangan di dalam kuliah. Perkataan slang ini sememangnya menjadi trend pada masa kini dan sering digunakan dalam kalangan mahasiswa. Namun, penggunaan dan penerapan slang dalam kalangan mahasiswa akan mempengaruhi kemandirian bahasa ibunda dan seterusnya dapat mempengaruhi keaslian makna sebenar bahasa ibunda dengan wujudnya penyimpangan makna. Jika dilihat dari sudut linguistik (pragmatik) iaitu TR penggunaan slang ini memerlukan usaha kognitif dari pendengar untuk memproses makna di luar struktur bahasa formal, serta melibatkan pemahaman implikasi sosial dan linguistiknya. Kesan kognitif penggunaan slang dalam komunikasi akademik menimbulkan pertanyaan tentang keseimbangan antara ekspresi dan kejelasan pesan, serta kesan terhadap pemahaman dan interpretasi dalam konteks pembelajaran. Justeru, kajian ini mencerminkan usaha dalam memproses dan memahami bagaimana penggunaan slang mempengaruhi proses komunikasi di lingkungan akademik, dengan memperhatikan kesannya terhadap kognisi dan usaha mencapai relevan maksimum dalam interaksi bahasa.

Soalan seterusnya iaitu "Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan slang boleh mempengaruhi pemahaman audiens terhadap maklumat yang disampaikan dalam pembentangan?", bertujuan untuk mengetahui sama ada penggunaan slang ini akan memberi kesan kepada pemahaman penyampaian yang ingin disampaikan kepada audiens atau tidak. Hasil dari kajian soal selidik yang telah dijalankan, terdapat 470 (92.2%) responden memilih jawapan "Ya", manakala 40 (7.8%) responden memilih jawapan "Tidak".

Menurut TR oleh Sperber dan Wilson (1986), komunikasi berjaya apabila maklumat yang disampaikan mencapai kesan kognitif yang optimum dengan usaha pemprosesan yang minimum. Dalam konteks ini, penggunaan slang boleh meningkatkan atau mengurangkan relevans mesej bergantung kepada audiens. Jika audiens familiar dengan slang, usaha pemprosesan adalah rendah dan kesan kognitif adalah tinggi, menjadikan komunikasi lebih efektif. Sebagai contoh, perkataan "pishang" yang bermaksud "bosan" atau "ons" yang bermaksud "setuju" mungkin mudah difahami dalam kalangan rakan sebaya yang sering menggunakan bahasa slang tersebut, sehingga meningkatkan relevans dan kesan kognitif dengan usaha pemprosesan yang minimum. Sebaliknya, jika audiens kurang familiar dengan slang yang digunakan, mereka perlu mengeluarkan usaha tambahan untuk memproses dan

memahami maksudnya, seperti yang dinyatakan oleh Noor Fazerra Paijin et al. (2022) mengenai masalah percampuran bahasa dan ketidakpastian makna. Hal ini mengurangkan kesan kognitif dan relevans mesej. Misalnya, slanga "pishang" mungkin tidak difahami oleh mereka yang tidak biasa dengan bahasa tersebut, mengakibatkan usaha pemprosesan yang tinggi tanpa kesan kognitif yang diinginkan. Tambahan pula, menurut Minah Sintian (2017), penggunaan slanga sering bersifat eksklusif kepada kumpulan tertentu dan bertujuan sebagai humor atau membina hubungan, yang juga boleh mempengaruhi relevans berdasarkan konteks sosial. Oleh itu, dalam konteks pembentangan akademik, penting untuk mempertimbangkan audiens dan memilih bahasa yang akan memaksimumkan kesan kognitif dengan usaha pemprosesan yang minimum, selaras dengan prinsip TR.

Soalan ketiga kajian ini, "Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan slanga boleh memberi impak positif kepada gaya dan keberkesanan pembentangan?", menilai kesan slanga terhadap keberkesanan komunikasi dalam pembentangan di kelas. Menurut TR oleh Sperber dan Wilson (1986), keberkesanan komunikasi bergantung kepada konteks, kesan kognitif, dan usaha pemprosesan. Dalam konteks ini, penggunaan slanga yang tepat dapat meningkatkan kesan kognitif dengan menjadikan mesej lebih menarik dan mudah diingat. Hasil kajian menunjukkan bahawa 420 (82.4%) responden percaya bahawa penggunaan slanga dapat menambah kekreatifan dan keberkesanan pembentangan. Contohnya, perkataan slanga seperti "koyak" yang bermaksud kecewa, atau "ons" yang bermaksud setuju, dapat menjadikan penyampaian lebih dinamik dan relevan bagi audiens yang biasa dengan bahasa tersebut (Ramli, 2020). Namun, TR juga menekankan bahawa usaha pemprosesan harus minimal untuk mencapai kesan kognitif yang maksimum. Jika audiens tidak familiar dengan slanga yang digunakan, mereka perlu mengeluarkan usaha tambahan untuk memahami makna, yang boleh mengurangkan keberkesanan komunikasi. Sebagai contoh, jika seorang penyampai menggunakan perkataan slanga "koyak" dalam konteks kecewa, audiens yang tidak biasa dengan slanga ini mungkin akan terkeliru, menyebabkan peningkatan usaha pemprosesan dan penurunan kesan kognitif. Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2018) menyatakan bahawa penggunaan slanga yang sesuai dengan konteks Malaysia dapat mengukuhkan hubungan antara penyampai dan audiens serta memupuk semangat komuniti bersama. Ini mencerminkan bahawa dalam konteks yang tepat, slanga dapat memperkayakan interaksi sosial dan meningkatkan kesan kognitif dengan usaha pemprosesan yang rendah. Namun, seperti yang dinyatakan oleh 90 (17.6%) responden, terdapat kebimbangan bahawa penggunaan slanga secara berlebihan boleh mengganggu kemandirian dan keaslian bahasa ibunda, menyebabkan penyimpangan makna yang tidak diinginkan. Contohnya, perkataan "koyak" yang dalam slanga bermaksud kecewa, boleh menyebabkan kekeliruan jika makna asalnya tidak dipelihara. Oleh itu, berdasarkan TR (Sperber & Wilson, 1986), penggunaan slanga dalam pembentangan boleh memberi impak positif jika ia meningkatkan kesan kognitif tanpa memerlukan usaha pemprosesan yang berlebihan, tetapi harus digunakan dengan berhati-hati untuk menjaga keaslian makna bahasa ibunda.

Soalan keempat mengenai "Adakah anda bersetuju dengan pendekatan seperti memberi taklimat pembentangan akademik tanpa menggunakan slanga?" mendapati bahawa 450 (88.2%) responden bersetuju. Menurut TR, keberkesanan komunikasi bergantung pada konteks, kesan kognitif, dan usaha pemprosesan. Dalam konteks akademik, penggunaan Bahasa Melayu standard tanpa slanga mencerminkan profesionalisme dan komitmen terhadap kualiti akademik, serta menghormati audiens yang mungkin tidak familiar dengan slanga (Asmah Hj. Omar, 2005). Penggunaan bahasa standard meminimumkan usaha pemprosesan kerana semua audiens dapat memahami mesej dengan jelas tanpa memerlukan tambahan usaha untuk mentafsirkan slanga, sehingga meningkatkan kesan kognitif. Sebagai contoh, dalam pembentangan akademik, menggunakan istilah yang tepat dan formal seperti "keputusan kajian" berbanding dengan slanga seperti "result" membantu memastikan bahawa maklumat disampaikan dengan jelas dan tepat, mengurangkan risiko salah tafsir (Noraini Hashim & Siti Hajar Mohd. Yusoff, 2018). Ini meningkatkan relevans komunikasi kerana audiens dapat segera memahami dan memproses maklumat yang diberikan tanpa perlu menyesuaikan diri dengan bahasa yang tidak biasa. Namun, 60 (11.8%) responden tidak bersetuju dengan pendekatan ini, menunjukkan bahawa bagi sesetengah mahasiswa, slanga adalah ekspresi budaya dan identiti sosial yang unik. Penggunaan slanga dalam konteks akademik dapat memperkenalkan elemen kreativiti dan inovasi, serta menjadikan pembentangan lebih menarik dan relevan dengan kehidupan harian mereka. Sebagai contoh, menggunakan slanga seperti "ons" untuk "setuju" dalam konteks tertentu dapat menambahkan warna

dan kesegaran dalam penyampaian maklumat, menjadikan interaksi lebih dinamik dan menarik bagi audiens muda yang biasa dengan bahasa tersebut. Dalam kes ini, TR menjelaskan bahawa walaupun penggunaan bahasa standard meningkatkan kesan kognitif dengan usaha pemprosesan yang minimum, penggunaan slang dalam konteks yang sesuai juga dapat meningkatkan relevans dengan membuat pembentangan lebih menarik dan sesuai dengan audiens tertentu. Oleh itu, keputusan untuk menggunakan atau tidak menggunakan slang harus mempertimbangkan konteks dan audiens untuk mencapai komunikasi yang paling berkesan.

Soalan terakhir kajian ini, “Adakah anda bersetuju bahawa penekanan pada penggunaan slang dalam pembentangan perlu diberi perhatian serius oleh pihak universiti?” menunjukkan bahawa 430 (84.3%) responden bersetuju bahawa universiti perlu mengambil berat tentang penggunaan slang. Menurut TR oleh Sperber dan Wilson (1986), keberkesanan komunikasi terletak pada kesan kognitif dan usaha pemprosesan dalam konteks yang sesuai. Penggunaan bahasa formal dalam pembentangan akademik meminimumkan usaha pemprosesan kerana semua audiens dapat memahami mesej dengan mudah, meningkatkan kesan kognitif. Norazimah Nordin dan Zuriati Ishak (2017) menyatakan bahawa penggunaan bahasa formal membantu mahasiswa memperluas kemahiran bahasa, termasuk perbendaharaan kata, tatabahasa, dan sintaksis, yang menjadikan komunikasi lebih teratur dan profesional. Sebagai contoh, dalam pembentangan akademik, menggunakan bahasa formal seperti "kajian menunjukkan" berbanding dengan slang "study kata" membantu memastikan bahawa maklumat disampaikan dengan jelas dan tepat, mengurangkan risiko salah tafsir. Ini penting dalam konteks akademik di mana ketepatan dan kejelasan adalah kunci untuk pemahaman yang mendalam dan tepat. Namun, 80 (15.7%) responden tidak bersetuju dengan pandangan ini, mencerminkan pandangan bahawa bahasa yang berkembang dan berubah adalah tanda bahasa yang hidup dan dinamik. Menurut Zulkifli Zulfati Izazi dan Tengku Mahadi (2020), slang adalah salah satu cara bahasa berkembang, dan penggunaannya dalam konteks akademik boleh dilihat sebagai penerimaan terhadap perubahan bahasa. Contohnya, penggunaan slang seperti "viral" dalam konteks tertentu dapat menjadikan pembentangan lebih menarik dan relevan bagi audiens muda yang biasa dengan istilah tersebut. Ini boleh meningkatkan relevans komunikasi jika slang tersebut sesuai dengan konteks dan audiens. TR menekankan bahawa untuk mencapai kesan kognitif yang maksimum dengan usaha pemprosesan yang minimum, konteks dan audiens harus dipertimbangkan dengan teliti. Oleh itu, walaupun penggunaan bahasa formal dapat meningkatkan kejelasan dan profesionalisme, penggunaan slang yang bijak dan sesuai konteks dapat menjadikan komunikasi lebih dinamik dan relevan. Keputusan mengenai penggunaan slang dalam pembentangan akademik harus mempertimbangkan keseimbangan antara keperluan untuk kejelasan dan penerimaan terhadap evolusi bahasa.

Jadual 2 Pandangan mahasiswa tentang penggunaan slang dalam pembentangan tugas

	Kategori	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Adakah anda bersetuju bahawa slang sering digunakan oleh mahasiswa UTeM dalam pembentangan semasa kuliah?	Ya	470	92.2
	Tidak	40	7.9
Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan slang boleh mempengaruhi pemahaman audiens terhadap maklumat yang ingin disampaikan dalam pembentangan?	Ya	470	92.2
	Tidak	40	7.9
Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan slang boleh memberi impak positif kepada gaya dan keberkesanan pembentangan?	Ya	420	82.4
	Tidak	90	17.6
Anda bersetuju dengan pendekatan seperti memberi taklimat pembentangan Akademik tanpa menggunakan slang?	Ya	450	88.2
	Tidak	60	11.8
Adakah anda bersetuju bahawa penekanan pada penggunaan slang dalam pembentangan perlu diberi perhatian serius oleh pihak universiti?	Ya	430	84.3
	Tidak	80	18.7

Objektif Kajian 2: Menganalisis impak kepada mahasiswa UTeM mengenai slanga dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu berpandukan pendekatan pragmatik iaitu Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986)

Menurut tinjauan, 68.7% pelajar percaya bahawa slanga boleh meningkatkan komunikasi dalam pembentangan, dengan 27.5% sangat bersetuju. Ini menunjukkan bahawa apabila digunakan dengan sewajarnya, slanga boleh membantu pemahaman dan menjadikan maklumat lebih menarik dan berkaitan dengan penonton. Majoriti pelajar melihat penggunaan slanga yang terpilih dan tepat sebagai alat berharga untuk meningkatkan komunikasi dalam pembentangan akademik. TR oleh Sperber dan Wilson (1986) menerangkan bahawa keberkesanan komunikasi bergantung pada konteks, kesan kognitif, dan usaha memproses. Dalam konteks ini, penggunaan slanga yang sesuai dapat mengurangkan usaha memproses kerana ia lebih dekat dengan bahasa sehari-hari pelajar, sekali gus meningkatkan kesan kognitif dengan menjadikan pembentangan lebih menarik dan mudah difahami. Sebagai contoh, penggunaan slanga seperti "viral" untuk menggambarkan fenomena yang meluas boleh membuat pembentangan lebih dinamik dan relevan, terutamanya kepada audiens muda yang sudah biasa dengan istilah tersebut. Kajian dalam psikolinguistik menunjukkan bahawa apabila digunakan dengan betul, slanga boleh membantu dalam pemahaman dan mempercepatkan proses pembelajaran, terutamanya bagi pelajar yang menggabungkan slanga dalam pertuturan seharian mereka (Wei, 2011). Ini selaras dengan TR, di mana slanga yang biasa dalam kehidupan harian pelajar mengurangkan usaha pemrosesan dan meningkatkan kesan kognitif, menjadikan bahan pembelajaran lebih mudah diakses dan difahami. Namun, hampir 80% pelajar bersetuju atau sangat bersetuju bahawa peraturan yang lebih ketat perlu dilaksanakan berhubung penggunaan slanga dalam tetapan akademik. Ini menunjukkan pengiktirafan bahawa walaupun slanga boleh memberi faedah, penting untuk mempunyai pengawasan dan garis panduan yang jelas untuk mengelakkannya daripada menjejaskan keseriusan dan integriti akademik. Penggunaan slanga yang tidak terkawal boleh mengurangkan formaliti dan kualiti bahasa, seperti yang dinyatakan oleh Bae dan Lai (2020), di mana penggunaan slanga yang berlebihan boleh mengaburkan makna dan menghalang proses pembelajaran. Kesimpulannya, TR menekankan bahawa keberkesanan komunikasi bergantung kepada kesesuaian konteks, usaha memproses yang minimum, dan kesan kognitif yang maksimum. Oleh itu, penggunaan slanga dalam pembentangan akademik boleh meningkatkan daya tarikan dan pemahaman jika digunakan dengan bijak dan dalam konteks yang sesuai, namun perlu dikawal untuk memastikan tidak menjejaskan kualiti dan formaliti yang diperlukan dalam wacana akademik. Majoriti pelajar mengakui kepentingan keseimbangan ini, menyokong penggunaan slanga yang terhad tetapi efektif untuk meningkatkan interaksi dan pemahaman tanpa mengorbankan profesionalisme.

Jadual 3 Impak penggunaan slanga dalam pembentangan berbahasa Melayu

	Kategori	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Adakah anda bersetuju bahawa slanga boleh meningkatkan keberkesanan komunikasi dalam pembentangan?	Sangat Setuju	140	27.5
	Setuju	210	41.2
	Sederhana	130	25.5
	Tidak Setuju	30	5.9
	Sangat Tidak Setuju	-	-
Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan slanga memberikan impak positif dalam pembentangan?	Sangat Setuju	180	35.3
	Setuju	170	33.3
	Sederhana	120	23.5
	Tidak Setuju	30	5.9
	Sangat Tidak Setuju	10	2.0
Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan slanga boleh meningkatkan daya tarikan dalam pembentangan?	Sangat Setuju	150	29.4
	Setuju	250	49.0
	Sederhana	70	13.7
	Tidak Setuju	30	5.9
	Sangat Tidak Setuju	10	2.0
Sejauh mana anda setuju bahawa peraturan yang lebih ketat perlu	Sangat Setuju	190	37.3
	Setuju	140	27.5

bersambung

dikenakan terhadap penggunaan slang dalam konteks akademik?	Sederhana	130	25.5
	Tidak Setuju	30	5.9
	Sangat Tidak Setuju	20	3.9
Bagaimana pendapat anda mengenai keperluan untuk memberikan latihan dan kesedaran kepada pelajar mengenai penggunaan slang yang sesuai dalam pembentangan?	Sangat Setuju	190	37.3
	Setuju	220	43.1
	Sederhana	60	11.8
	Tidak Setuju	40	7.8
	Sangat Tidak Setuju	-	-

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Objektif Kajian 3: Merumuskan cadangan bagi mahasiswa UTeM menggunakan slang dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu berpandukan pendekatan pragmatik iaitu Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986)

Majoriti pelajar (64.7%) percaya bahawa latihan dan kesedaran tentang penggunaan slang yang sesuai dalam pembentangan adalah penting. Mereka mahu bimbingan dan pendidikan untuk membantu mereka menggunakan slang dengan berkesan dan bertanggungjawab tanpa menjejaskan integriti akademik. Ini selaras dengan TR oleh Sperber dan Wilson (1986) yang menekankan konteks, kesan kognitif, dan usaha memproses dalam komunikasi. Menurut teori ini, komunikasi yang berkesan memerlukan keseimbangan antara usaha yang diperlukan untuk memproses maklumat dan kesan kognitif yang dihasilkan. Dalam konteks ini, latihan dan kesedaran membantu pelajar memahami cara menggunakan slang dengan berkesan, mengurangkan usaha pemprosesan bagi audiens sambil memaksimumkan kesan kognitif.

Berdasarkan kajian oleh Gold et al. (2021) bimbingan dan arahan tentang penggunaan slang boleh membantu pelajar mengenal pasti masa dan kaedah yang sesuai untuk menggunakannya tanpa menjejaskan kredibiliti akademik mereka. Ini termasuk bengkel, sesi sumbang saran, dan simulasi yang meningkatkan kesedaran linguistik dan membantu pelajar memasukkan slang dalam pembentangan dengan tepat. Sebagai contoh, menggunakan slang seperti "viral" dalam konteks yang sesuai dapat menjadikan pembentangan lebih menarik dan relevan, terutamanya kepada audiens muda yang biasa dengan istilah tersebut. Ini menunjukkan bagaimana penggunaan slang yang tepat dapat mengurangkan usaha pemprosesan dan meningkatkan kesan kognitif, menjadikan maklumat lebih mudah difahami dan menarik.

Kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar UTeM menggunakan slang semasa membentangkan tugas berkumpulan dalam Bahasa Melayu. Mereka bersetuju bahawa slang boleh memberi kesan kepada cara audiens memahami maklumat yang disampaikan dalam pembentangan, dan ini boleh meningkatkan gaya dan keberkesanan pembentangan. Walaupun terdapat responden yang tidak bersetuju dengan pendekatan seperti pembentangan akademik tanpa slang, pandangan umum menunjukkan kepentingan mengimbangi penggunaan slang dalam pembentangan akademik. Ini menekankan keperluan untuk institusi pendidikan mempertimbangkan pendekatan yang seimbang dalam menangani penggunaan slang untuk memastikan kualiti pembelajaran dan perkembangan pelajar.

Kesimpulannya, penggunaan slang dalam pembentangan akademik oleh pelajar UTeM menunjukkan bahawa slang boleh menjadi alat yang berkesan untuk meningkatkan komunikasi jika digunakan dengan tepat. Majoriti responden bersetuju bahawa slang sering digunakan dalam pembentangan dan boleh memberi kesan positif kepada gaya dan keberkesanan penyampaian. Namun, terdapat juga pandangan yang menekankan perlunya menjaga formaliti dan integriti akademik. Oleh itu, penting bagi universiti untuk memberikan bimbingan yang tepat kepada pelajar tentang penggunaan slang, memastikan ia digunakan dengan cara yang meningkatkan pemahaman dan minat tanpa mengorbankan profesionalisme dan kualiti akademik.

Jadual 4 Cadangan bagi mahasiswa UTeM menggunakan slanga dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu

Cadangan	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Melakukan sesi penerangan mengenai perbezaan antara slanga dan bahasa formal.	330	64.7
Menyediakan senarai perkataan slanga yang tidak sesuai untuk digunakan dalam pembentangan.	310	60.8
Membuat peraturan kepada setiap ahli kumpulan perlu mengubah penggunaan perkataan slanga kepada bahasa formal sebelum pembentangan	260	51.0
Mengadakan bengkel penulisan dan perbahasan dalam bahasa melayu formal kepada ahli kumpulan sebelum tugas bermula.	240	47.1
Meminta setiap ahli kumpulan menyediakan senarai kata-kata slanga yang ingin digunakan berserta justifikasi penggunaannya.	110	21.6

RUJUKAN

- Amirul Mukminin Mohamad, Sofia Ayup, Noorhazila Mohamad Hamid, & Zuraini Mohaidin. (2023). Bahasa kebangsaan dalam situasi komunikasi harian: Kajian tinjauan terhadap pelajar melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(2), 81–101.
- Asmah Hj. Omar. (2005). *Asas tatabahasa Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bae, C. L., & Lai, M. H. (2020). Opportunities to participate in science learning and student engagement: A mixed methods approach to examining person and context factors. *Journal of Educational Psychology*, 112(6), 1128–1153.
- Baker, A. (2006). Killing the messenger? Slang in education. *Educational Review*, 58(1), 1-14.
- Cheshire, J., Griffiths, P., & Roebuck, P. (2018). *Slang*. Edinburgh University Press.
- Chomsky, N. (2007). *The minimalist program*. MIT Press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Muhammad Syafreza Azwan Pisol. (2022). Slang dalam media sosial: Satu pendekatan minimalis. *e-BANGI Journal*, 19(3), 151-161.
- Gold, J. D., Kusumaningrum, M. C., Cahyati, S. S., Rachmijati, C., Fadhillah, K. N., Mufidah, Z., & Hartanto, E. C. (2021). Integrating technology and humanity into language teaching book 1: English language teaching. In *Linguistics And Culture*. Deepublish Publisher.
- Hidayah Shafiee, Ahmad Fahmi Mahamood, Abdul Rahman Abdul Manaf, Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob, Abdul Jalil Ramli, Zuraidi Ahmad Mokhdzar, Jamsari Jamaluddin, Maskor Bajuri, & Mohd Erpi Mohd Ali. (2019). Pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa kebangsaan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 141-153.
- Hoffman, J. V., & Alvermann, D. E. (2019). What a genealogical analysis of Nila Banton Smith's american reading instruction reveals about the present through the past. *Reading Research Quarterly*, 55(2), 251–269.
- Lippi-Green, R. (2014). *English with an accent: How language shapes our lives*. Oxford University Press.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slanga katapenguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(1), 29-43.
- Minah Sintian. (2017). Penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 4(1), 75- 88.

- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* [Unpublished FYP's thesis]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Pengaplikasian kerangka Semantik Inkuisitif melalui slang. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(3), 43-52.
- Nik Safiah Karim, Farid Mohd. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Fazerra Paijin, Nuratikah Ja'afar, & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2022). Penggunaan bahasa slang dalam akaun Twitter "Brgsjks". *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3), 1-13.
- Noorsaiyidah Suradi, & Muhammad Zaid Daud. (2023). "British English or American English?": Penutur Melayu Gen Z dan pemilihan leksikal dalam domain pakaian berpandukan analisis Pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 30.
- Noraini Hashim, & Siti Hajar Mohd. Yusoff. (2018). *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Norazimah Nordin, & Zuriati Ishak. (2017). *Protokol dan etika dalam majlis rasmi*. Universiti Sains Malaysia Press.
- Preece,, J. (2007). *The impact of technology on social life*. Palgrave Macmillan.
- Rampton, M. (2009). *Discourse analysis and critical linguistics*. Continuum Publisher.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Harvard University Press.
- Wei, L. (2011). "Sounds cool, man!": Investigating the motivations for using slang among Chinese EFL learners. *ELT Journal*, 65(4), 434-443.
- Zulkifli Zulfati Izazi, & Tengku Mahadi Tengku-Sepora. (2020). Slangs on social media: Variations among Malay Language users on Twitter. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 28(1), 17-34.
- Zuraidah Mohd Sulaiman. (2016). Slanga mengupayakan kreativiti berbahasa remaja Melayu dan Cina. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 22-25.